

**Kerajaan Terus Pertingkat Khidmat Kesihatan - Muhyiddin
Bernama
13 Oktober , 2011**

PAGOH, 13 Okt (Bernama) -- Kerajaan terus berusaha mempertingkatkan lagi perkhidmatan kesihatan di negara ini walaupun prasarana dan mutunya kini sudahpun mencapai tahap yang membanggakan sehingga mendapat pengiktirafan dunia.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata perkhidmatan itu bukan hanya dinikmati di kawasan bandar malah kini dibawa ke seluruh pelusuk kampung di kawasan luar bandar seperti Program Doktor Turun Kampung sebagaimana yang diadakan di kawasan Parlimen Pagoh.

"Ini usaha yang lebih daripada biasa kerajaan lakukan di mana doktor dapat melihat sendiri keadaan kesihatan penduduk kampung dan memahami keperluan mereka," kata Muhyiddin.

Muhyiddin yang juga Anggota Parlimen Pagoh berkata, usaha sentuhan hati itu adalah untuk memastikan setiap rakyat sihat dan mampu menyumbang kepada kemajuan negara.

Muhyiddin berkata demikian pada Majlis Program Doktor Turun Kampung dan Program Khas Untuk Rakyat (Kesejahteraan Rakyat) di Kampung Sentosa, Lenga di sini, Khamis.

Program Doktor Turun Kampung yang dilancarkan 30 Julai lalu di sini itu bertujuan mewujudkan kesedaran dan perubahan tingkahlaku ke arah gaya hidup sihat di kalangan masyarakat dengan memperkasakan komuniti agar prihatin dan bertanggungjawab terhadap tahap kesihatan mereka sendiri.

Setelah dilancarkan, program itu berjaya mengesan 500 kanak-kanak sekolah di kawasan Parlimen itu yang tidak mempunyai tahap penglihatan yang baik dan memerlukan cermin mata.

Muhyiddin turut menyampaikan peruntukan RM128,650 kepada 221 orang penduduk kurang bernasib baik dan tiga buah badan bukan kerajaan dari Zon Lenga/Bukit Kepong di bawah Program Khas Untuk Rakyat itu.

Sebelum itu, semasa merasmikan Program Bakti Siswa Masterskill 2011 di Felda Batu 27, Lenga, Muhyiddin berkata kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta penting bagi meningkatkan tahap pendidikan di negara ini khasnya di kawasan luar bandar.

Ini bagi memastikan masyarakat di luar bandar tidak ketinggalan dalam mencapai tahap pendidikan tertinggi, katanya.

Pada masa yang sama Muhyiddin mengingatkan anak-anak kampung atau di tanah rancangan agar mengambil segala peluang yang ada untuk meningkatkan kehidupan mereka termasuk menyambung pelajaran ke peringkat tinggi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619771>

